WONG SIEW LIAN lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
ABU BAKAR KATAR H
[RAYUAN JENAYAH NO: JA-41S-3-07-2023]
14 MAC 2024

Abstrak – *Terdapat perbezaan antara perkataan 'tanggungjawab' dan 'tanggungan'. Peruntukan bawah s. 75 Akta Cukai Pendapatan 1967 ('Akta') hanya meletakkan tanggungjawab pada pengarah syarikat untuk memastikan penyata pendapatan dalam Borang C syarikat dikemukakan bagi mana-mana tahun taksiran, dan bukan tanggungan. Oleh itu, jika terdapat kesalahan bawah s. 112(1A) Akta dilakukan oleh mana-mana syarikat, tanggungan adalah pada syarikat itu dan bukan pada pengarah syarikat.*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Pengarah syarikat disabitkan atas pertuduhan bawah s. 112(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 ('Akta') – Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman denda dan bayaran penalti khas – Sama ada keputusan Mahkamah Majistret wajar diakas – Sama ada pengarah syarikat faham akan sifat dan akibat pengakuan salah – Sama ada pengarah syarikat diterangkan tentang hukuman dan pilihan selepas pertuduhan dibacakan – Sama ada terdapat 'a reverse onus clause' pada s. 75 Akta – Sama ada kesalahan bawah ss. 77A(1) dan 112(1A) Akta adalah kesalahan yang dilakukan oleh syarikat dan bukan individu*

Perayu ialah pengarah sebuah syarikat ('syarikat'). Berikutan kegagalan, untuk memastikan syarikat mengemukakan penyata pendapatan dalam borang C bagi tahun taksiran 2021 dan 2022 menurut s. 77A(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 ('Akta'), perayu dituduh bawah s. 112(1A) Akta di Mahkamah Majistret. Selepas pertuduhan dibacakan, perayu mengaku salah. Perayu dijatuhkan hukuman denda RM18,000, jika ingkar bayar, 12 bulan penjara. Selain itu, perayu juga diperintahkan untuk membayar penalti khas sebanyak RM2,437,434 secara ansuran selama 12 bulan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri ('keputusan Mahkamah Majistret'). Terkilan, perayu memfailkan rayuan ini. Isu-isu yang timbul, antara lain, adalah: (i) sama ada Mahkamah Majistret gagal memastikan perayu, semasa membuat pengakuan salah, faham sifat dan akibat pengakuan salahnya; (ii) sama ada perayu tidak diterangkan tentang hukuman dan diberi pilihan untuk mengaku salah atau sebaliknya; (iii) sama ada ketiadaaan 'a reverse onus clause' pada s. 75 Akta menjadikan pengarah syarikat tidak boleh bertanggungan atas kesalahan jenayah yang dilakukan oleh syarikat; dan (iv) sama ada kesalahan bawah ss. 77A(1) dan 112(1A) Akta adalah kesalahan yang dilakukan oleh syarikat dan bukan individu.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

(1) Semasa pertuduhan dibacakan, perayu tidak diterangkan inti pati kesalahan sebelum membuat pengakuan salah. Perayu pada waktu itu tidak diwakili oleh mana-mana peguam dan tidak memahami kesalahan yang dilakukan. Perayu juga tidak diberikan peluang untuk memilih sama ada ingin mengaku salah atas pertuduhan atau sebaliknya. Semasa jurubahasa menerangkan hukuman kepada perayu, dia hanya dimaklumkan tentang hukuman denda dan penjara. Perayu tidak diberitahu sebaik sahaja sabitan direkodkan, perayu akan diwajibkan membayar penalti khas. Keadaan bertambah parah apabila perayu diberitahu bayaran penalti khas boleh dibuat secara ansuran. Susulan itu, Mahkamah Majistret gagal untuk memastikan peruntukan bawah s. 173(b) Kanun Tatacara Jenayah dipatuhi sebelum merekodkan perayu bersalah atas pertuduhan. (perenggan 15-16 & 18)

(2) Seksyen 75(1) Akta memperuntukkan 'tanggungjawab' (responsibility) dan bukannya 'tanggungan' (liability) atas pengarah syarikat seperti perayu. Terdapat perbezaan jelas antara perkataan 'tanggungjawab' dan 'tanggungan'. Peruntukan s. 75 Akta tidak terpakai pada perayu bagi kesalahan yang dilakukan oleh syarikat. Parlimen juga telah memasukkan peruntukan baru pada Akta, iaitu s. 75A. Sehubungan itu, peruntukan s. 75 Akta tidak boleh memindahkan tanggungan membayar cukai pada pengarah syarikat secara peribadi. Tambahan lagi, walaupun s. 75A Akta memperuntukkan tanggungan pada pengarah syarikat untuk membayar cukai melalui prosiding kes sivil, peruntukan itu tidak terpakai bagi tindakan jenayah. (perenggan 20, 22-23 & 26)

(3) Tiada 'a reverse onus clause' dalam peruntukan s. 75 Akta. Oleh itu, peruntukan itu tidak mengalihkan tanggungan cukai daripada syarikat kepada pengarah syarikat, iaitu perayu. (perenggan 28 & 32)

(4) Sekalipun kesalahan bawah s. 112(1A) Akta dibaca bersama-sama s. 77A(1) Akta, kesalahan itu hanya boleh dilakukan oleh syarikat. Dalam kes perayu, tiada pertuduhan dibuat atas syarikat bagi mana-mana kesalahan bawah Akta. Jika s. 75 Akta digunakan oleh pihak pendakwaan, pihak pendakwaan perlu menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh syarikat. Perayu tidak bertanggungan sehinggalah syarikat dituduh bawah s. 77A(1) Akta. Berikutan itu, keputusan Mahkamah Majistret tentang hukuman diakas, dan perayu diperintahkan untuk dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan. Bayaran denda yang telah dibayar diperintahkan untuk dikembalikan kepada perayu dalam tempoh dua bulan. Perintah penalti turut diakas. (perenggan 33, 35 & 36-37)

Kes-kes yang dirujuk:
Chen Chong & Ors v. PP [1967] CLJU 22; [1967] 1 LNS 22 HC ***(dirujuk)***
Dato' Muhamad Farid Hj Ahmad Ridhwan lwn. PP [2009] 8 CLJ 558 HC ***(dirujuk)***
Exxon Chemical (Malaysia) Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri [2005] 4 CLJ 810 CA ***(dirujuk)***
Justin Milroy Narakera v. PP [1990] 2 CLJ 226; [1990] 2 CLJ (Rep) 181 HC ***(dirujuk)***
Lee Lee Cheng v. Seow Peng Kwang [1959] CLJU 107; [1959] 1 LNS 107 CA ***(dirujuk)***
National Land Finance Co-operative v. Director General Of Inland Revenue [1993] 4 CLJ 339 SC ***(dirujuk)***
PP v. Gan Boon Aun [2017] 4 CLJ 41 FC ***(dirujuk)***
PP v. Leng Chow Teng [1985] 1 CLJ 157; [1985] CLJ (Rep) 256 FC ***(dirujuk)***
Seah Ah Chiew v. PP [2006] CLJU 105; [2006] 1 LNS 105 HC ***(dirujuk)***
Shaiful Azmi Sabri lwn. PP [2020] 10 CLJ 445 CA ***(dirujuk)***
Tax Commissioner v. Chatani [1983] STC 477 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 173(b)
Customs Act 1967, s. 140(1)
Dangerous Drugs Act 1952, s. 6B
Employees Provident Fund Act 1991, s. 69
Income Tax Act 1967, ss. 74(6), 75(1), (3), 75A, 77(1A), 77A(1), 106, 112(1A)
Securities Industry Act 1983 (repealed), s. 122

Income Tax Act [Jamaica], s. 52

Bagi pihak perayu - Desmond Liew Zhi Hong, Fatin Farhana & Benjamin Poh; T/n Benjamin Poh Law Office
Bagi pihak pendakwaan - Sharifah Maleeha Syed Hussin & Mohd Syafiq Mohd Ghazali; TPR
Bagi pihak amicus curiae - T/n Abhilaash Subramaniam & Co
Anand Raj R Balasupramaniam; M/s Shearn Delamore & Co
Bagi pihak LHDN - Norhidayah Yasin

Dilaporkan oleh Syamim Ariffin

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar H:

Pengenalan

[1] Wong Siew Lian (perayu) merupakan salah seorang pengarah kepada Syarikat Gagasan Steel (Southern Region) Sdn Bhd (syarikat itu).

[2] Syarikat itu ditubuhkan pada 19 Julai 1999 yang mempunyai alamat perniagaan di Lot 2782-G, Jalan Kempas Lama, Johor Bahru, Johor. Syarikat itu menjalankan perniagaan "collecting and processing of scrap irons into steel particles and to act as steel dealers".

[3] Perayu telah dituduh di Mahkamah Majistret (4), Johor Bahru, Johor Darul Takzim atas pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

A Bahawa kamu Wong Siew Lian (K/P: 740316-08-5914), Pengarah yang bertanggungjawab di bawah s. 75 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Syarikat Gagasan Steel (Southern Region) Sdn. Bhd. (488990-U) setelah dikehendaki dibawah s. 77A (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk mengemukakan satu penyata pendapatan dalam Borang C bagi Tahun Taksiran 2022 mengenai pendapatan berkenaan Syarikat Gagasan Steel
B (Southern Region) Sdn Bhd (488990-U) tersebut kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh penutupan akaun iaitu pada atau sebelum 30 November bagi Tahun Taksiran 2021 dan pada atau sebelum 30 November 2022 bagi Tahun Taksiran 2022 dengan tiada sebab yang munasabah, telah gagal mengemukakan penyata-
C penyata tersebut yang mempunyai pendapatan bercukai sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mengikut pertimbangan terbaiknya masing-masing sebanyak RM1,827,149.00 yang boleh dikenakan cukai sebanyak RM438,515.76 bagi Tahun Taksiran 2021 dan sebanyak RM1,558,176.00 yang boleh dikenakan cukai sebanyak RM373,962.24 bagi Tahun Taksiran 2022. Oleh yang demikian, kamu
D telah melakukan kesalahan di bawah s. 112(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang boleh dihukum dibawah seksyen dan Akta yang sama.

[4] Pada 5 Julai 2023, perayu telah mengaku bersalah atas pertuduhan di hadapan Puan Majistret, Mahkamah Majistret (4) Johor Bahru (Puan Majistret itu). Puan Majistret itu telah merakamkan perayu bersalah dan
E disabitkan atas pertuduhan.

[5] Puan Majistret itu telah menjatuhi hukuman denda RM18,000 jika ingkar bayar 12 bulan penjara. Puan Majistret itu selanjutnya memerintahkan perayu membayar penalti khas berjumlah RM2,437,434 secara ansuran selama 12 bulan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

F **[6]** Perayu yang terkilan dengan hukuman yang dijatuhi oleh Puan Majistret memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi, Johor Bahru.

[7] Rayuan telah didengar di mahkamah ini. Di akhir pendengaran rayuan, mahkamah ini telah mengakaskan sabitan dan hukuman termasuk
G bayaran ansuran atas penalti khas. Perayu diperintahkan lepas dan bebas dari pertuduhan. Bayaran denda diperintahkan dikembalikan kepada perayu. Perintah bayaran ansuran ke atas penalti khas turut diakaskan. TPR yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan rayuan atas keseluruhan keputusan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia. Rayuan ini telah
H didaftarkan sebagai Mahkamah Rayuan, Malaysia Rayuan Jenayah No: J-09-4-01-2024.

Latar Belakang Kes

[8] Pendakwaan telah mengemukakan fakta kes secara bertulis dan dikemukakan sebagai P1. Secara ringkas, fakta kes yang dibentangkan oleh
I pendakwaan seperti berikut: pada 14 Februari 2023, pegawai-pegawai penyiasat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah menjalankan satu serbuan ke atas premis syarikat itu di mana perayu merupakan salah seorang pengarah syarikat itu.

[9] Perayu, selaku pengarah, bertanggungan untuk membayar cukai taksiran yang dikenakan mengikut peruntukan s. 75 Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta itu). Perayu telah dilantik sebagai pengarah mulai 12 April 2003.

[10] Siasatan yang dijalankan ke atas syarikat itu mendapati telah gagal untuk mengemukakan borang penyata cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2021 dan 2022 dalam tempoh tujuh bulan dari tarikh penutupan akaun iaitu pada atau sebelum 30 November 2021 dan 30 November 2022.

[11] Pihak pendakwaan mendapati mengikut pertimbangan terbaiknya (best judgment), syarikat itu mempunyai pendapatan bercukai sebanyak RM1,827,149 bagi tahun taksiran 2021 dan RM1,558,176 bagi tahun taksiran 2022. Cukai yang perlu dibayar sebanyak RM438,515.76 bagi tahun taksiran 2021 dan RM373,962.24 bagi tahun taksiran 2022.

[12] Sehingga ke tarikh perayu mengaku bersalah, cukai kena dibayar belum dilunaskan oleh perayu kepada LHDN.

Merit Rayuan

[13] Mahkamah ini telah menimbangkan hujahan bertulis/lisan pihak-pihak termasuk Majlis Peguam Malaysia yang bertindak sebagai *amicus curiae* dalam rayuan ini. Mahkamah ini berpendapat beberapa isu utama telah diketengahkan oleh peguam perayu yang terpelajar dan juga peguam *amicus curiae*. Isu-isu berkenaan dapatlah diringkaskan seperti berikut:

(i) Puan Majistret itu gagal memastikan perayu semasa membuat pengakuan bersalah memahami sifat dan akibat pengakuan bersalahnya.

(ii) perayu tidak diterangkan hukuman sekiranya mengaku bersalah. Perayu juga tidak diberikan pilihan untuk mengaku bersalah atau sebaliknya.

(iii) pertuduhan yang dikemukakan oleh pendakwaan cacat.

(iv) ketiadaan "a reverse onus clause" menunjukkan s. 75 Akta itu tidak boleh menjadikan pengarah syarikat bertanggungan atas kesalahan jenayah.

(v) kesalahan di bawah s. 77A(1) Akta itu dan s. 112(1A) Akta itu merupakan kesalahan yang dilakukan oleh syarikat dan bukannya individu.

Bagi Isu (i) Dan (ii)

[14] Mahkamah ini akan menyentuh isu (i) dan (ii) secara bersekali kerana ia saling kait mengait dan berkaitan. Sebelum mahkamah ini menyentuh isu (i) dan (ii) dengan lebih lanjut, eloklah dirujuk peruntukan s. 173(b) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang berbunyi seperti berikut:

> (b) If the accused pleads guilty to the charge, whether as originally framed or as amended, the plea shall be recorded and he may be convicted on it and the Court shall pass sentence according to law:

A *Provided that before a plea of guilty is recorded the Court shall ascertain that the accused understands the nature and consequences of his plea and intends to admit, without qualification, the offence alleged against him.*

(penekanan ditambah)

[15] Perayu, semasa dibacakan pertuduhan, tidak diterangkan inti pati
B kesalahan sebelum perayu mengaku bersalah. Perayu semasa itu tidak diwakili mana-mana peguam dan tidak memahami kesalahan yang dilakukan (sila rujuk kes *Seah Ah Chiew v. PP* [2006] CLJU 105; [2006] 1 LNS 105 dan *Chen Chong & Ors v. PP* [1967] CLJU 22; [1967] 1 LNS 22).

[16] Mahkamah ini turut merujuk nota keterangan dan rakaman video
C transcription (RVT) semasa perayu dibacakan pertuduhan dan diterangkan oleh jurubahasa mahkamah. Mahkamah ini berpendapat perayu tidak diberi peluang untuk memilih untuk mengaku bersalah atas pertuduhan atau sebaliknya. Mahkamah ini turut menimbangkan semasa jurubahasa menerangkan hukuman kepada perayu, perayu sekadar dimaklumkan
D hukuman denda dan penjara. Perayu tidak diberitahu sebaik sabitan atas kesalahan di bawah s. 77A(1) Akta itu, perayu diwajibkan membayar penalti khas. Keadaan bertambah parah apabila perayu diberitahu penalti khas boleh dibayar secara ansuran. Mahkamah ini sedar tanggungjawab mahkamah bicara untuk memastikan tertuduh faham dan mengetahui apakah hukuman
E yang diperuntukkan dalam sesuatu Akta khasnya Akta itu. Dalam konteks semasa, mahkamah ini merujuk kes *Shaiful Azmi Sabri lwn. PP* [2020] 10 CLJ 445 di mana Yaacob Md Sam HMR ada menyatakan:

> (1) Mahkamah ini telah meneliti rakaman CRT Mahkamah Sesyen yang merakamkan prosiding pengakuan bersalah perayu pada 12 Jun 2016 dan
F daripada rakaman tersebut, HMS, walaupun ada menyatakan kepada perayu bahawa bawah seksyen kesalahan tersebut perayu boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup, tetapi tidak menerangkan kepada perayu maksud penjara seumur hidup tersebut bawah undang-undang adalah untuk tempoh penjara 30 tahun. Oleh itu, mahkamah ini mengabaikan catatan nota keterangan yang mencatatkan HMS menerangkan kepada
G perayu tentang hukuman bawah s. 6B(1)(a) ADB yang didapati tidak betul dirujuk oleh HMS. (perenggan 27).

[17] Mahkamah ini merujuk kes *Shaiful Azmi Sabri* (*supra*), walaupun tertuduh diberitahu hukuman bagi kesalahan s. 6B Akta Dadah Berbahaya 1952 penjara seumur hidup, tertuduh tidak diterangkan maksud penjara
H seumur hidup ialah penjara 30 tahun. Mahkamah Rayuan berpendapat ia tidak mencukupi sebelum mahkamah bicara menerima pengakuan bersalahnya. Dalam kes semasa, perayu semasa mengaku bersalah tidak diterangkan jika disabitkan atas kesalahan s. 112(1A) Akta itu, penalti khas boleh diperintahkan ke atas perayu.

I

[18] Berdasarkan alasan-alasan di atas, Puan Majistret itu gagal memastikan peruntukan s. 173(b) KTJ dipatuhi sebelum merekodkan perayu bersalah atas pertuduhan. Mahkamah ini merujuk kes *PP v. Leng Chow Teng* [1985] 1 CLJ 157; [1985] CLJ (Rep) 256; [1985] 1 MLJ 229, Mahkamah Persekutuan di ms. 258 (CLJ); ms. 230 (MLJ) mengatakan:

> But before a plea of guilt is recorded and accepted it is mandatory under sub-section 173(b) for the court to ascertain that the accused understands the nature and consequences of his plea and that he intends to admit without qualification the offence alleged against him.

Bagi Isu (iii)

[19] Peguam perayu yang terpelajar dan peguam *amicus curiae* yang terpelajar mengambil pendirian yang sama iaitu pertuduhan yang dikemukakan ke atas perayu cacat. Sebelum mahkamah ini menyentuh isu (iii) ini dengan lebih lanjut, eloklah diperturunkan peruntukan s. 75(1) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (1) **The responsibility** for doing all acts and things required to be done by or on behalf of a company or body of persons for the purposes of this Act shall lie jointly and severally – (penekanan ditambah)

[20] Merujuk peruntukan s. 75(1) Akta itu, ia memperuntukkan tanggungjawab (responsibility) bukannya tanggungan (liability) ke atas pengarah syarikat seperti perayu. Niat badan Parlimen secara jelas ia bertujuan sebegitu semasa menggubal peruntukan Akta itu. Mahkamah ini merujuk nas duluan yang ada memberikan panduan apabila membuat tafsiran berkaitan peruntukan cukai. Dalam kes *National Land Finance Co-operative Society Ltd v. Director General Of Inland Revenue* [1993] 4 CLJ 339; [1994] 1 MLJ 99 ada menyatakan:

> *there is no room for intendment in tax legislation and the rule of strict construction applies.* Unless there are clear words tax cannot be imposed … Another principle is that *where the meaning of a statute is in doubt the ambiguity must be construed in favour of the subject* … There are ample authorities to show that the courts have *refused to adopt a construction of a taxing Act which would impose liability when doubt exists* … (penekanan ditambah)

[21] Selanjutnya, mahkamah ini merujuk kes *Exxon Chemical (Malaysia) Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri* [2005] 4 CLJ 810; [2006] 1 MLJ 428 yang menyatakan:

> In the third place, *the principle that a provision in a taxing statute must be read strictly is one that is to be applied against revenue and not in its favour.* The maxim in revenue law is this: no clear provision; no tax. *If there is any doubt then it must be resolved in the taxpayer's favour.* See, *National Land Finance Co-operative Society Ltd v. Director General of Inland Revenue* [1993] 4 CLJ 339. The corollary of that proposition is that *those parts in a revenue statute that favour the taxpayer must be read liberally.* What learned counsel for revenue is asking us to do is to go the other way. That would be standing the true principle on its head. (penekanan ditambah)

[22] Berbekalkan nas undang-undang yang dirujuk di atas, mahkamah ini akan menyentuh peruntukan s. 75 Akta itu. Mahkamah ini bersetuju peruntukan s. 75 Akta itu tidak terpakai ke atas perayu sebagai pengarah untuk bertanggungan kepada kesalahan yang dilakukan oleh syarikat.

[23] Mahkamah ini berpendapat badan Parlimen semasa menggubal peruntukan s. 75(1) Akta itu menggunakan perkataan "responsibility" dan bukannya "liability". Sebagai contohnya, badan Parlimen menggunakan perkataan "liable" untuk peruntukan s. 74(6) Akta itu, s. 75(3) Akta itu dan s. 75A Akta itu. Mahkamah ini berpendapat terdapat perbezaan yang jelas antara perkataan "responsibility" dan "liability". Mahkamah ini merujuk kes *Lee Lee Cheng v. Seow Peng Kwang* [1959] CLJU 107; [1959] 1 LNS 107; [1960] 1 MLJ 1 yang menyatakan:

> It is axiomatic that when different words are used in a statute, they refer to different things and this is particularly so where the different words are, as here, used repeatedly.

[24] Mahkamah ini merujuk kes Privy Council iaitu *Tax Commissioner v. Chatani* [1983] STC 477 ada membincangkan peruntukan s. 52 Akta Cukai Pendapatan Jamaica yang hampir menyamai peruntukan s. 75 Akta itu. Dalam kes *Chatani* (*supra*), peruntukan yang ada sekadar bertanggungjawab sebagai pengarah memastikan syarikat membayar cukai dan pengarah tidak bertanggungan secara peribadi. Keadaan yang sama berlaku ke atas perayu sebagaimana peruntukan s. 75 Akta itu. Badan Parlimen tidak memperuntukkan perayu sebagai pengarah bertanggungan untuk membayar cukai tahun taksiran 2021 dan tahun taksiran 2022.

[25] Mahkamah ini juga berpendapat badan Parlimen memasukkan peruntukan baru iaitu s. 75A Akta itu dengan jelas peruntukan s. 75 Akta itu tidak boleh memindahkan tanggungan membayar cukai ke atas pengarah secara peribadi. Bagi kemudahan rujukan, diperturunkan peruntukan s. 75A Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (1) Notwithstanding anything contrary to this Act or any other written law -
>
> (a) where any tax is due and payable under this Act by a company, any person who is a director of that company during the period in which that tax *is liable to be paid by that company; or*
>
> (b) where any debt is due and payable from an employer under any rules made pursuant to section 107 and the employer is a company, any person who is a director of that company during the period in which the debt is liable to be paid by that company,
>
> *shall be jointly and severally liable for such tax or debt, as the case may be, that is due and payable and shall be recoverable under section 106 from that person.*
>
> [(1) Subs. *Act 644: s. 19*] (penekanan ditambah)

[26] Peruntukan s. 75A Akta itu memperuntukkan tanggungan pengarah untuk membayar cukai melalui prosiding kes sivil (lihat s. 106 Akta itu dan kes *Dato' Muhamad Farid Hj Ahmad Ridhwan lwn. PP* [2009] 8 CLJ 558). Peruntukan s. 75A Akta itu tidak terpakai untuk tindakan jenayah.

[27] Peruntukan s. 75A Akta itu bukannya semua pengarah bertanggungan untuk membayar cukai syarikat. Pengarah perlulah termasuk "… to control, not less than 20 per cent of the ordinary share capital of the company" (sila rujuk tafsiran "director" s. 75A(2) Akta itu). Mahkamah ini berpendapat di hadapan mahkamah tiada keterangan berkaitan isu ini.

Bagi Isu (iv)

[28] Mahkamah ini mengambil maklum perundangan di Malaysia yang memperuntukkan pengarah bertanggungan mempunyai "a reverse onus clause". Pengarah mempunyai anggapan kesalahan yang dilakukan oleh syarikat tanpa "his consent or connivance and all diligence was practiced to prevent it". Berbalik kepada peruntukan s. 75 Akta itu, jelas tiada "a reverse onus clause". Sebagai perbandingan dirujuk beberapa peruntukan Akta yang mempunyai "a reverse onus clause".

[29] Pertamanya, s. 140(1) Akta Kastam 1967 memperuntukkan seperti berikut:

> (1) Where an offence against this Act or any regulation made thereunder has been committed by a company, a firm, a society, an association or other body of persons, any person who at the time of the commission of the offence was a director, manager, secretary or other similar officer or a partner of the company, firm, society, association or other body of persons or was purporting to act in such capacity shall be deemed to be guilty of that offence unless *he proves that the offence was committed without his consent or connivance and that he exercised all such diligence to prevent the commission of the offence as he ought to have exercised, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all the circumstances.*
>
> (penekanan ditambah)

[30] Selanjutnya, peruntukan s. 69 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (KWSP) yang memperuntukkan seperti berikut:

> Where an offence under this Act or any regulations or rules made thereunder has been committed by a body corporate, firm, society or other body of persons, any person who at the time of the commission of the offence was a director, manager, secretary or other similar officer or a partner of the body corporate, firm, society or other body of persons or was purporting to act in such capacity shall, as well as such body corporate, firm, society or other body of persons, be deemed to *be guilty of that offence unless he proves that the offence was committed without his consent or connivance and that he exercised all such diligence to prevent the commission of the offence as he ought to have exercised, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all the circumstances.* (penekanan ditambah)

[31] Mahkamah ini merujuk kes *PP v. Gan Boon Aun* [2017] 4 CLJ 41 ada menyentuh peruntukan s. 122 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 berkaitan tanggungan pengarah bagi kesalahan jenayah. Mahkamah Persekutuan dalam penghakimannya menyatakan:

> [52] As said, the deeming provision was fair and necessary. There was no merit in the argument that s. 122(1) deemed B guilty of an offence committed by A. Guilt was never deemed or presumed. Section 122(1) only deemed that B committed the offence committed by A, because only B could have caused or motivated the offence committed by A "unless he proves that the offence was committed without his consent or connivance and that he exercised all such diligence to prevent the commission of the offence as he ought to have exercised, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all the circumstances". It was contended that the "unless proviso" placed the onus on B to prove the excusing factors to avoid punishment. But that could not be further from the truth. For rather than "placed the onus on B to prove the excusing factors to avoid punishment", the section gave opportunity to B to rebut the deeming provision, by providing a statutory defence. And in relation to the matters stated in the statutory defence, namely the absence of knowledge, consent or connivance of the Directors or officers, they were matters clearly within the sole knowledge of the Directors and or officers. It should not be difficult for B to prove the absence of his knowledge, consent or connivance. On the other hand, it could not be easy for the prosecution to prove that the offence was committed by the corporate with the knowledge, consent or connivance of particular Directors and or particular officers. It was only fair that the matter of absence of knowledge, consent or connivance should be proved by the accused. In any event, it was a statutory defence, and no prosecution has the onus to prove a defence, statutory or otherwise.

[32] Mahkamah ini berpendapat peruntukan s. 75 Akta itu tiada "a reverse onus clause" sebagaimana yang disentuh dalam kes *Gan Boon Aun* (*supra*). Peruntukan itu jelas tidak mengalihkan tanggungan cukai kepada perayu sebagai seorang pengarah semata-mata.

Bagi Isu (v)

[33] Mahkamah ini juga berpandangan jika sekalipun kesalahan di bawah s. 112(1A) Akta itu dibaca bersama s. 77A(1) Akta itu, kesalahan ini hanya boleh dilakukan oleh syarikat. Dalam kes perayu, tiada pertuduhan diambil ke atas syarikat itu bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta itu. Jika s. 75 Akta itu untuk digunakan oleh pendakwaan, pendakwaan perlu menunjukkan kesalahan dilakukan oleh syarikat itu.

[34] Mahkamah ini merujuk kes *Justin Milroy Narakera v. PP* [1990] 2 CLJ 226; [1990] 2 CLJ (Rep) 181 di mana YA Mahadev Shankar H ada menyatakan:

> It is the considered opinion of the Court that before resort can be had to this section the director of the corporation in question has to be formally charged and the ingredients of the section proved against him. The two ingredients required to make out a *prima facie* case are that the company has committed the offence and secondly that the director was a director at the time the offence was committed.
>
> By transposing Mr. Narakera into the shoes of the company, as if he were its alter ego, without any evidence whatsoever before him of the second ingredient the Magistrate did something which was totally impermissible in law.

[35] Berdasarkan prinsip kes *Justin Milroy Narakera* (*supra*), perayu tidak bertanggungan sehinggalah syarikat dituduh atas kesalahan di bawah s. 77A(1) Akta itu.

Kesimpulan

[36] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini mengakaskan sabitan dan hukuman denda RM18,000 jika ingkar 12 bulan penjara. Perayu diperintah lepas dan bebas dari pertuduhan. Bayaran denda (jika telah dibayar) dikembalikan kepada perayu dalam tempoh dua bulan mulai tarikh hari ini (28 Disember 2023).

[37] Mahkamah ini pada akhirnya turut mengakaskan perintah penalti khas yang dikeluarkan olah Puan Majistret itu terhadap perayu.